



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1499

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PINDAAN) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja 25 Ogos 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 27 Ogos 2015

Hakcipta Pencetak H

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1499

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2015

Suatu Akta untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berlainan Akta ini; atau
- (b) semua atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang atau produk pasaran modal yang berlainan, termasuk produk pasaran modal Islam.

Pindaan am

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan”.

Pindaan seksyen 2

3. Subseksyen 2(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “bank berlesen”, dengan menggantikan perkataan “Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*]” dengan perkataan “Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]”;
- (b) dalam takrif “Bank Negara”, dengan menggantikan perkataan “Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*]” dengan perkataan “Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*]”;
- (c) dalam takrif “Majlis Penasihat Syariah”, dengan menggantikan perkataan “seksyen 316A” dengan perkataan “Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*]”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “pasaran derivatif terkecuali” takrif yang berikut:
 - ‘ “pasaran diiktiraf” ertinya suatu pasaran saham atau pasaran derivatif yang dikendalikan atau disenggarakan oleh pengendali yang didaftarkan di bawah seksyen 34;’;
- (e) dengan menggantikan takrif “pegawai” dengan takrif yang berikut:
 - ‘ “pegawai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;’;

- (f) dalam takrif “Pengerusi”, dengan menggantikan perkataan “perenggan 4(1)(a)” dengan perkataan “perenggan 4(2)(a)”;
- (g) dengan memasukkan selepas takrif “pihak” takrif yang berikut:

‘ “pihak berkuasa penyeliaan asing” ertinya suatu pihak berkuasa asing atau mana-mana orang lain yang menjalankan fungsi yang bersamaan dengan fungsi Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti;’;

- (h) dengan menggantikan takrif “Suruhanjaya” dengan takrif yang berikut:

‘ “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;’;

- (i) dalam takrif “Timbalan Pengerusi Eksekutif”, dengan menggantikan perkataan “perenggan 4(1)(aa)” dengan perkataan “perenggan 4(2)(b)”;
- (j) dengan memotong takrif “urusan atau transaksi pasaran modal Islam”.

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda —

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**sekuriti dan derivatif**” dengan perkataan “**sekuriti, derivatif dan produk pasaran modal**”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Walau apa pun takrif “sekuriti”, “derivatif”, “sekuriti Islam” atau “derivatif Islam” di bawah Akta ini dan “kepentingan” sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 84(1) Akta Syarikat 1965, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang

disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa surat cara atau produk atau kelas surat cara atau produk sebagai—

- (a) sekuriti;
- (b) derivatif;
- (c) produk pasaran modal;
- (d) sekuriti Islam;
- (e) derivatif Islam; atau
- (f) produk pasaran modal Islam,

bagi maksud undang-undang sekuriti.”; dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Dalam penetapan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) berkenaan dengan sekuriti, derivatif, produk pasaran modal, sekuriti Islam, derivatif Islam, atau produk pasaran modal Islam, Menteri boleh—

- (a) bagi maksud mengawal selia pengeluaran, penawaran untuk langganan atau pembelian, atau pembuatan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana sekuriti atau sekuriti Islam, menentukan dalam penetapan mana-mana peruntukan Akta ini terpakai bagi sekuriti atau sekuriti Islam itu;
- (b) dalam hal derivatif atau derivatif Islam, menentukan dalam penetapan itu mana-mana peruntukan Akta ini untuk terpakai bagi derivatif atau derivatif Islam itu; dan
- (c) bagi maksud mengawal selia pengeluaran, penawaran untuk langganan atau pembelian, atau pembuatan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana produk pasaran modal

atau produk pasaran modal Islam, menentukan dalam penetapan itu mana-mana peruntukan Akta ini untuk terpakai bagi produk pasaran modal atau produk pasaran modal Islam itu.”.

Pindaan seksyen 7

5. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Seseorang tidak boleh menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan, atau membantu menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan, atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan, mengendalikan atau menyenggarakan, suatu pasaran saham atau pasaran derivatif yang bukannya—

(a) pasaran saham suatu bursa saham;

(b) pasaran derivatif suatu bursa derivatif;

(c) pasaran saham suatu syarikat pemegangan bursa yang ia sendiri diluluskan sebagai suatu bursa saham;

(d) pasaran derivatif suatu syarikat pemegangan bursa yang ia sendiri diluluskan sebagai suatu bursa derivatif;

(e) pasaran diiktiraf;

(f) pasaran saham terkecuali; atau

(g) pasaran derivatif terkecuali.”;

(b) dengan memotong subseksyen (2); dan

(c) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan “atau (2)”.

Penggantian seksyen 27

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan seksyen yang berikut:

“Penutupan bursa saham atau bursa derivatif

27. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, mengarahkan suatu bursa untuk menutup sesuatu pasaran saham atau pasaran derivatif bursa.

(2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya—

(a) mengarahkan bursa itu untuk menutup pasaran saham atau pasaran derivatif itu selama tempoh tidak melebihi lima hari berurus niaga; dan

(b) melanjutkan penutupan pasaran saham atau pasaran derivatif di bawah perenggan (a) selama apa-apa tempoh selanjutnya yang setiap satunya tidak melebihi lima hari berurus niaga.

(3) Menteri hendaklah menyatakan alasan bagi penutupan itu dalam arahan yang diberikan dan alasan bagi apa-apa pelanjutan penutupan di bawah subseksyen (2).

(4) Suruhanjaya boleh membuat syor dalam subseksyen (1) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa suatu pasaran yang teratur dan adil bagi perdagangan sekuriti di suatu pasaran saham atau perdagangan derivatif di suatu pasaran derivatif, suatu bursa sedang atau berkemungkinan akan terhalang kerana—

(a) darurat atau bencana alam telah berlaku di dalam Malaysia; atau

(b) wujud krisis ekonomi atau kewangan atau apa-apa hal keadaan lain di dalam atau di luar Malaysia.

(5) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, memberikan suatu salinan arahan atau pelanjutan di bawah subseksyen (2) kepada pusat penjelasan diluluskan dan mengarahkan pusat penjelasan diluluskan itu

untuk melakukan segala yang semunasabahnya dapat dilakukan untuk memberi kesan kepada arahan atau pelanjutan semasa arahan atau pelanjutan itu terus berkuat kuasa.

(6) Dalam seksyen ini—

“hari berurus niaga” ertinya mana-mana hari yang terdapat perdagangan rasmi di bursa jika tidak kerana penutupan itu;

“pasaran adil” termasuklah tetapi tidak terhad kepada sesuatu pasaran yang mencerminkan daya penawaran dan permintaan.”.

Pindaan seksyen 30

7. Seksyen 30 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (7)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) menyebabkan perintah penggantungan itu atau notis pelanjutan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, disiarkan sekurang-kurangnya dalam satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian bahasa Inggeris.”.

Pemotongan Subpenggal 3 Penggal 2 Bahagian II

8. Akta ibu dipinda dengan memotong Subpenggal 3 Penggal 2 Bahagian II.

Penggantian Subpenggal 4 Penggal 2 Bahagian II

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Subpenggal 4 Penggal 2 Bahagian II dengan subpenggal yang berikut:

“Subpenggal 4 — Pasaran diiktiraf

Pengendali pasaran diiktiraf

34. (1) Bagi maksud perenggan 7(1)(e), Suruhanjaya boleh atas permohonan seseorang, mendaftarkan orang itu sebagai pengendali pasaran diiktiraf tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, menambah, mengubah, meminda atau membatalkan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

Permohonan untuk pendaftaran

35. (1) Suatu permohonan di bawah subseksyen 34(1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat dan dengan mengikut apa-apa cara yang boleh ditentukan Suruhanjaya.

(2) Jika pemohon di bawah subseksyen 34(1) adalah pengendali pasaran saham atau pasaran derivatif di luar Malaysia, Suruhanjaya boleh, dalam mendaftarkan pemohon itu sebagai pengendali pasaran diiktiraf, mengambil kira, sama ada—

- (a) pemohon itu telah pun dibenarkan untuk mengendalikan suatu pasaran saham atau pasaran derivatif dalam bidang kuasa asing itu;
- (b) pemohon itu adalah daripada suatu bidang kuasa yang diiktiraf dan setanding; dan
- (c) Suruhanjaya mempunyai suatu perkiraan kawal selia dengan pihak berkuasa penyeliaan asing.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan pemohon itu, menjadikan permohonan di bawah subseksyen 34(1) sebagai suatu permohonan di bawah seksyen 8 sekiranya Suruhanjaya berpendapat bahawa pemohon itu akan menjadi lebih sesuai dikawal selia sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif diluluskan.

Kewajipan pengendali pasaran diiktiraf

36. Pengendali pasaran diiktiraf hendaklah—

- (a) mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, sama ada bersifat am atau khusus, dan pengendali pasaran diiktiraf itu hendaklah melaksanakan arahan itu; dan

- (b) memberikan apa-apa bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya, yang semunasabahnya dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu.

Penarikan balik pendaftaran

36A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah sesuai untuk berbuat demikian demi kepentingan pelabur, demi kepentingan awam atau bagi pengendalian suatu pasaran yang teratur dan adil, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, menarik balik pendaftaran berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan dalam notis itu.

(2) Notis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyatakan alasan bagi menyokong penarikan balik itu.

(3) Walau apa pun penarikan balik di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh membenarkan orang itu untuk meneruskan, pada atau selepas tarikh penarikan balik itu berkuat kuasa, untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang terjejas oleh penarikan balik itu, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu bagi maksud—

- (a) menutup pengendalian pasaran diiktiraf yang dikaitkan dengan penarikan balik itu; atau
- (b) melindungi kepentingan pelabur atau kepentingan awam.

(4) Jika Suruhanjaya telah memberikan kebenaran kepada seseorang di bawah subseksyen (3), orang itu tidak boleh, atas sebab ia menjalankan aktiviti mengikut kebenaran yang diberikan itu, dianggap sebagai melanggar seksyen 34.

(5) Suruhanjaya tidak boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) berhubung dengan pengendali pasaran diiktiraf yang telah didaftarkan di bawah subseksyen 34(1) melainkan jika Suruhanjaya telah memberi pengendali pasaran diiktiraf itu peluang untuk didengar.

(6) Mana-mana penarikan balik pendaftaran yang dibuat di bawah seksyen ini tidak berkuat kuasa untuk—

- (a) mengelak atau menyentuh mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang dibuat oleh pengendali pasaran diiktiraf itu sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan yang telah dibuat sebelum atau selepas penarikan balik pendaftaran di bawah subseksyen (1); atau
- (b) menyentuh mana-mana hak, obligasi atau tanggungan yang timbul daripada suatu perjanjian, transaksi atau perkiraan.

Perubahan status

36B. (1) Suruhanjaya boleh, atas permohonan pengendali pasaran diiktiraf atau atas inisiatifnya sendiri, dari semasa ke semasa, mengkaji semula status pengendali pasaran diiktiraf di bawah Subpenggal ini.

(2) Suruhanjaya boleh, selepas semakan semula yang dijalankan di bawah subseksyen (1), menghendaki pengendali pasaran diiktiraf itu untuk membuat suatu permohonan untuk pasaran diiktiraf itu menjadi suatu bursa saham atau bursa derivatif diluluskan di bawah seksyen 8.

(3) Suruhanjaya tidak boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (2) tanpa memberi orang itu peluang untuk didengar.”.

Subpenggal baru 5A Penggal 2 Bahagian II

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Subpenggal 5 Penggal 2 Bahagian II subpenggal yang berikut:

“Subpenggal 5A — Am

Tafsiran

40A. Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“orang yang berkaitan” ertinya suatu bursa saham, bursa derivatif, pasaran diiktiraf, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pegawai kanan” ertinya seseorang, selain ketua pegawai eksekutif atau pengarah, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah atau mengawal aktiviti orang yang berkaitan, termasuk ketua pegawai operasi, anggota jawatankuasa pembuat keputusan dan orang lain yang melaksanakan fungsi utama seperti pengurusan risiko, pematuhan, audit dalaman atau fungsi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“pengurus berkanun” ertinya seseorang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah Subpenggal ini bagi maksud menguruskan keseluruhan atau mana-mana bahagian urusan dan hal ehwal orang yang berkaitan.

Penyiaran notis penggantungan perdagangan atau penutupan

40B. Jika suatu tindakan diambil oleh Menteri atau Suruhanjaya di bawah seksyen 12, 18, 27, 28, 354 atau 355, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan suatu notis mengenai tindakan yang diambil itu mengikut apa-apa cara yang didapati sesuai oleh Suruhanjaya.

Hak bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan tidak terjejas oleh undang-undang yang berhubungan dengan kontrak

40C. Tiada apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kontrak, setakat ketidakselarasannya dengan peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, boleh menyebabkan tidak boleh dikuatkuasakan atau selainnya menjejaskan—

- (a) apa-apa hak yang diberikan kepada suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan berhubungan dengan sekuriti atau derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta ini atau kaedah-kaedahnya;

- (b) apa-apa hak yang hendak diberikan kepada suatu pihak kepada suatu sekuriti atau derivatif yang dibuat di pasaran saham suatu bursa saham, suatu pasaran derivatif suatu bursa derivatif, pasaran saham terkecuali, pasaran derivatif terkecuali atau apa-apa pasaran lain yang diluluskan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan di bawah atau berhubung dengan sekuriti atau derivatif yang dibuat di suatu pasaran saham suatu bursa saham, pasaran derivatif suatu bursa derivatif, pasaran saham terkecuali, pasaran derivatif terkecuali atau apa-apa pasaran lain yang diluluskan di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kuasa Suruhanjaya untuk melantik pengurus berkanun

40D. (1) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini, bagi maksud mengurangkan dan mengurus risiko sistemik dalam pasaran modal atau jika Suruhanjaya mendapati ia adalah—

- (a) demi kepentingan awam;
- (b) bagi melindungi pelabur;
- (c) untuk pengawalseliaan yang sewajarnya bagi orang yang berkaitan; atau
- (d) perlu dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen 30,

Suruhanjaya boleh melantik seorang pengurus berkanun.

(2) Suruhanjaya boleh—

- (a) dalam hal suatu pasaran diiktiraf; atau
- (b) dengan kelulusan terdahulu Menteri, dalam hal suatu bursa saham, suatu bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan dan depositori pusat,

melantik seorang pengurus berkanun bagi—

- (A) menjalankan, melaksanakan dan menunaikan berkenaan dengan orang yang berkaitan, semua kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan atau dikenakan, atau yang diserahkan, kepada orang yang berkaitan, oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau perkara persatuan orang yang berkaitan itu; dan
- (B) mengambil milikan, dan menggunakan apa-apa harta alih atau harta tak alih itu sebagaimana yang telah digunakan oleh orang yang berkaitan, bagi maksud menjalankan urusan atau pengendalian orang yang berkaitan itu.

(3) Jika Suruhanjaya telah melantik seorang pengurus berkanun di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh membuat semua atau mana-mana perintah yang berikut secara bertulis untuk—

- (a) memberi akses kepada harta orang yang berkaitan kepada pengurus berkanun;
- (b) memindahkan kawalan keseluruhan atau sebahagian urusan atau hal ehwal orang yang berkaitan dan pengurusan keseluruhan atau mana-mana bahagian urusan dan hal ehwal orang yang berkaitan, kepada pengurus berkanun; atau
- (c) mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana orang termasuk pengurus berkanun berhubung dengan pengurusan keseluruhan atau mana-mana bahagian urusan atau hal ehwal orang yang berkaitan.

(4) Tiap-tiap penjalanan, pelaksanaan atau penunaian apa-apa kuasa, kewajipan dan fungsi oleh orang berkanun di bawah subseksyen (2) hendaklah sah dan berkesan seolah-olah ia dijalankan, dilaksanakan atau ditunaikan oleh orang yang berkaitan.

(5) Suruhanjaya boleh, dalam tempoh berkuatkuasanya suatu perintah di bawah seksyen ini, menggantung fungsi, hak dan keistimewaan mana-mana pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai kanan orang yang berkaitan, dan bagi suatu tempoh, yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, memberikan suatu salinan perintah itu, kepada pegawai utama orang yang berkaitan yang dimaksudkan oleh perintah itu dan kepada mana-mana anggota badan pentadbir, jika ada, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya dalam hal keadaan itu.

(7) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah menyebabkan perintah itu disiarkan sekurang-kurangnya dalam satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian bahasa Inggeris.

(8) Suatu perintah yang dibuat di bawah mengikut seksyen ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu.

Bantuan dan akses kepada maklumat, dsb.

40E. (1) Orang yang berkaitan atau mana-mana pengarahnya, ketua pegawai eksekutif, setiausaha, pekerja atau ejennya dan mana-mana juruaudit yang dilantik oleh orang yang berkaitan itu, hendaklah—

- (a) memberikan segala bantuan yang perlu; dan
- (b) membenarkan akses sepenuhnya dan bebas bagi semua maklumat, dokumen, sistem, kemudahan perdagangan, atau mana-mana harta lain yang berhubungan dengan urusan atau pengendalian orang yang berkaitan,

kepada seorang pengurus berkanun, bagi membolehkan pengurus berkanun itu melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsinya yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 40D.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang enggan atau gagal, tanpa alasan yang sah, untuk membenarkan pengurus berkanun akses mengikut seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang, dengan niat hendak mengecewakan maksud seksyen ini atau dengan niat hendak mencegah, melengahkan atau

menghalang pengurus berkanun daripada menjalankan mana-mana kuasa, kewajipan dan fungsinya di bawah seksyen ini—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan atau mengubah apa-apa maklumat, dokumen, sistem, kemudahan perdagangan, atau mana-mana harta lain yang berhubungan dengan urusan atau pengendalian orang yang berkaitan; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar ke luar dari Malaysia apa-apa dokumen atau apa-apa harta daripada apa-apa perihalan kepunyaan atau dalam pelupusan atau di bawah kawalan orang yang berkaitan,

melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Saraan, perbelanjaan dan tanggung rugi pengurus berkanun

40F. Jika pengurus berkanun dilantik di bawah subseksyen 40D(2)—

- (a) saraannya dan apa-apa perbelanjaan yang sepatutnya dilakukan olehnya; dan
- (b) apa-apa tanggung rugi yang dirinya berhak,

hendaklah dikenakan ke atas, dan dibayar daripada mana-mana harta atau aset orang yang berkaitan, yang berada dalam jagaan atau kawalan pengurus berkanun.

Fi tahunan kena dibayar

40G. (1) Orang yang berkaitan hendaklah membayar kepada Suruhanjaya suatu fi tahunan atau apa-apa fi lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa fi yang dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Bahagian ini hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Ketidakpakaian Akta Syarikat 1965

40H. Peruntukan Akta Syarikat 1965 berhubung dengan penawaran syer atau debentur kepada awam oleh suatu syarikat persendirian tidak terpakai jika tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli itu dibuat oleh syarikat persendirian itu di pasaran saham atau pasaran derivatif yang diluluskan, berdaftar, diiktiraf, atau di suatu bursa saham dikecualikan atau bursa derivatif dikecualikan, di bawah undang-undang sekuriti.”.

Subpenggal baru 7 Penggal 2 Bahagian II

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Subpenggal 6 Penggal 2 Bahagian II subpenggal yang berikut:

“Subpenggal 7 — Penguatkuasaan peruntukan penghasilan bersih di bawah perjanjian pasaran modal yang layak

Tafsiran

57A. Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“perjanjian pasaran modal yang layak” ertinya—

- (a) suatu perjanjian yang mempunyai peruntukan penghasilan bersih, berkenaan dengan satu atau lebih transaksi pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti; atau
- (b) suatu perjanjian yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai perjanjian pasaran modal yang layak bagi maksud Bahagian ini;

“peruntukan penghasilan bersih” ertinya suatu peruntukan kontraktual yang memperuntukkan bahawa apabila keadaan yang ditentukan oleh pihak-pihak di bawah suatu perjanjian pasaran modal yang layak berlaku, dua atau lebih hutang, tuntutan atau obligasi boleh ditolak antara satu sama lain atau diubah menjadi suatu jumlah bersih hutang, tuntutan atau obligasi dan termasuklah suatu perkiraan penutupan penghasilan bersih;

“pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti” ertinya suatu perkiraan apabila mana-mana transaksi pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti telah dibuat, selain—

- (a) transaksi yang dibuat antara pusat penjelasan diluluskan dengan peserta yang dibuat mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan; dan
- (b) transaksi berkenaan dengan sekuriti hutang tidak tersenarai yang dilakukan di bawah sistem Dana Pemindahan Elektronik dan Sekuriti (RENTAS).

Kebolehkuatkuasaan hak di bawah peruntukan penghasilan bersih

57B. (1) Hak pihak-pihak di bawah suatu peruntukan penghasilan bersih tidak boleh digantung, dielakkan atau selainnya dihadkan oleh permulaan mana-mana prosiding lain yang mempunyai kesan untuk mengambil alih kawalan atau menguruskan urusan, hal ehwal dan harta mana-mana pihak.

(2) Peruntukan penghasilan bersih sesuatu perjanjian pasaran modal yang layak di bawah subseksyen (1) boleh dikuatkuasakan mengikut termannya.

Pemakaian Bahagian ini

57C. Tiada peruntukan dalam undang-undang sekuriti atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, termasuk mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengurusan risiko sistemik atau menggalakkan kestabilan

kewangan, sama ada telah dibuat sebelum atau selepas Akta ini berkuat kuasa, boleh mengehadkan, menyekat atau selainnya memberi kesan kepada kuat kuasa Subpenggal 6 dan 7 Bahagian ini.”.

Seksyen baru 59A

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 59 seksyen yang berikut:

“Tanggungan sivil prinsipal bagi perbuatan wakilnya

59A. (1) Seseorang yang diberi kuasa atau diambil kerja oleh seseorang prinsipal untuk bertindak sebagai wakilnya hendaklah disifatkan sebagai ejen prinsipal itu apabila—

(a) ejen itu terlibat dalam apa-apa kelakuan, membuat apa-apa representasi atau bertindak menurut kuasanya; dan

(b) kelakuan, respresentasi atau tindakan itu dijalankan dalam penjalanan urusan yang prinsipal itu dilesenkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang prinsipal tidak layak untuk bergantung pada apa-apa perkiraan, perjanjian atau kontrak yang dibuat—

(a) antara prinsipal dengan wakilnya; atau

(b) antara prinsipal dengan kliennya,

yang dikendalikan untuk mengeluarkan atau mengecualikan sepenuhnya obligasi atau tanggungannya sebagai prinsipal wakilnya.

(3) Seseorang prinsipal tidaklah bertanggung bagi tindakan wakilnya jika wakil itu telah terhenti menjadi wakil prinsipal dan prinsipal itu telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memaklumkan, atau membawa ke pengetahuan klien mengenai hakikat pemberhentian itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “prinsipal” ertinya pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.”.

Pemotongan seksyen 89

13. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 89.

Pindaan seksyen 92A

14. Seksyen 92A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Hendaklah menjadi suatu pembelaan terhadap pendakwaan atau apa-apa prosiding terhadap pelanggaran seksyen ini oleh mana-mana orang jika dia membuktikan bahawa—

(a) dia telah membuat semua siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu; dan

(b) selepas membuat siasatan itu, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga masa pernyataan itu dibuat atau maklumat itu diberikan bahawa—

(i) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan; atau

(ii) tidak terdapat peninggalan yang material.”.

Pemotongan seksyen 94

15. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 94.

Pemotongan seksyen 95

16. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 95.

Seksyen baru 139zs

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 139ZR seksyen yang berikut:

“Penamaan

139zs. Walau apa pun apa-apa jua yang tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan probet, pentadbiran, pengagihan, atau pelupusan, harta pusaka orang yang mati, atau dalam mana-mana amalan atau adat berhubungan dengan perkara ini, seorang anggota boleh menamakan mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pelupusan mana-mana bahagian faedah yang terakru anggota itu, selepas kematian anggota itu tertakluk kepada mana-mana peraturan-peraturan atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 160

18. Subseksyen 160(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “dibayar balik” perkataan “, kecuali sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 201

19. Seksyen 201 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (5) dan (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Jika—

(a) seseorang orang dalam—

(i) memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh sekuriti; atau

(ii) memujuk orang lain untuk memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh sekuriti,

dengan melanggar subseksyen 188(2); atau

- (b) seseorang orang dalam menyampaikan maklumat yang disebut dalam subseksyen 188(1) kepada seorang yang lain, dengan melanggar subseksyen 188(3),

dan sekuriti itu telah dibenarkan untuk diperdagangkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, maka, sama ada atau tidak orang dalam itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya mendapati adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui tindakan sivil, mengambil mana-mana atau kedua-dua tindakan yang berikut terhadap orang dalam itu:

- (A) mendapatkan suatu amaun yang bersamaan dengan tiga kali ganda amaun perbezaan antara harga sekuriti itu diperoleh atau dipersetujui untuk diperoleh, oleh orang dalam atau orang lain itu, dan pada harga sekuriti itu berkemungkinan telah diperoleh pada masa pemerolehan atau persetujuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika maklumat itu boleh didapati secara umum;
- (B) menuntut penalti sivil mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati sesuai oleh mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang merupakan suatu amaun yang tidak melebihi satu juta ringgit.

(6) Jika—

(a) seseorang orang dalam—

(i) melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan sekuriti; atau

(ii) memujuk orang lain untuk melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan sekuriti,

dengan melanggar subseksyen 188(2); atau

- (b) seseorang orang dalam menyampaikan maklumat yang disebut dalam subseksyen 188(1) kepada orang yang lain, dengan melanggar subseksyen 188(3),

dan sekuriti itu telah dibenarkan untuk diperdagangkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, maka, sama ada atau tidak orang dalam itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya mendapatinya adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui tindakan sivil, mengambil mana-mana atau kedua-dua tindakan yang berikut terhadap orang dalam itu:

- (A) mendapatkan suatu amaun yang bersamaan dengan tiga kali ganda amaun perbezaan antara harga sekuriti itu dilupuskan atau dipersetujui untuk dilupuskan, oleh orang dalam atau orang lain itu, dan pada harga yang sekuriti itu berkemungkinan telah dilupuskan pada masa pelupusan atau persetujuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika maklumat itu boleh didapati secara umum;
- (B) menuntut penalti sivil mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati sesuai oleh mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang merupakan suatu amaun yang tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 216

20. Seksyen 216 Akta itu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas takrif “berhubungan dengan” takrif yang berikut:

‘ “institusi ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Institut Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];’;

- (ii) dengan memotong takrif “pegawai”;

- (iii) dalam takrif “pemegang syer”, dengan menggantikan perkataan “yang ditetapkan dalam Kod” dengan perkataan “yang ditentukan oleh Suruhanjaya”;

(iv) dengan memotong takrif “pemegang syer menentang”;

(v) dengan memasukkan selepas takrif “pengambil” takrif yang berikut:

‘ “saudara-mara yang terdekat” ertinya ibu, bapa, anak, abang, kakak, anak angkat atau anak tiri;’;

(vi) dengan menggantikan takrif “syarikat” dengan takrif yang berikut:

‘ “syarikat”, berhubung dengan sesuatu syarikat yang diambil alih, ertinya—

(a) suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham;

(b) suatu syarikat awam sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; atau

(c) apa-apa entiti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;’;

(vii) dengan memotong takrif “syarikat persendirian” dan “syarikat awam”;

(viii) dengan menggantikan takrif “syer” dengan takrif yang berikut:

‘ “syer” kecuali bagi maksud seksyen 222, 223 dan 224, ertinya suatu syer yang bukan syer keutamaan, dalam sesuatu syarikat, atau suatu unit dalam sesuatu entiti yang ditentukan oleh Suruhanjaya;’;

(ix) dengan menggantikan takrif “syer mengundi” dengan takrif yang berikut:

‘ “syer mengundi” ertinya suatu syer yang memberi hak kepada pemegang syer untuk mengundi di mesyuarat agung;’;

(x) dalam takrif “tawaran pengambilalihan” —

(A) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kod;” dengan perkataan “; atau”;

(B) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan

(C) dengan memotong perenggan (d); dan

(b) dalam subseksyen (3) —

(i) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “ibu bapa, anak, abang atau kakak atau adik” dengan perkataan “saudara-mara terdekat”;

(ii) dalam perenggan (f) —

(A) dengan menggantikan perkataan “ibu bapa, anak, abang atau kakak atau adik” dengan perkataan “saudara-mara terdekat”;

(B) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(iii) dengan menggantikan perenggan (g) dengan perenggan yang berikut:

“(g) pekongsi sesuatu perkongsian;”;

(iv) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(h) seorang individu dan mana-mana orang yang pada kebiasaannya bertindak mengikut arahan individu itu, dan saudara-mara terdekat, syarikat yang dikawal oleh, atau mana-mana amanah yang berhubungan dengan, individu itu; dan

(i) seseorang, selain suatu bank berlesen atau institusi ditetapkan, yang, secara langsung atau tidak langsung, memperuntukkan kewangan atau bantuan kewangan, berkaitan dengan pemerolehan syer mengundi atau hak mengundi, dengan seseorang yang menerima apa-apa kewangan atau bantuan kewangan itu.”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Berhubung dengan tawaran pengambilalihan suatu entiti selain perbadanan atau syarikat awam, Suruhanjaya boleh menentukan orang yang boleh dianggap sebagai orang yang bertindak bersama-sama.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud seksyen 222, 223 dan 224—

“pemegang syer menentang” termasuklah mana-mana pemegang syer dan pemegang sekuriti boleh ubah, yang belum menerima tawaran pengambilalihan dan mana-mana pemegang syer yang telah gagal atau enggan untuk membuat pemindahan syer kepada seorang pengambil mengikut tawaran pengambilalihan;

“sekuriti boleh tukar” ertinya sekuriti seperti waran, opsiyen dan sekuriti lain yang dikeluarkan oleh penerima tawaran yang boleh ditukar kepada syer mengundi baharu penerima tawaran;

“syer” ertinya suatu syer mengundi, dalam suatu syarikat, atau suatu unit dalam entiti yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dan termasuklah sekuriti boleh tukar seolah-olah sekuriti itu ialah sekuriti kelas berasingan suatu syarikat dan mana-mana sebutan mengenai pemegang syer, dan syer yang telah diperuntukkan, hendaklah dibaca sewajarnya.”.

Pindaan seksyen 217**21. Seksyen 217 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**dan Percantuman**” dengan perkataan “**, Percantuman dan Pengambilan Paksa**”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Kod hendaklah mengandungi prinsip yang mengawal tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Suruhanjaya hendaklah mentadbir Kod dan boleh membuat semua perkara sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan Penggal ini dan Kod dan tanpa mengehadkan keluasan yang terdahulu, boleh—

(a) mengeluarkan arahan—

(i) bagi mentafsir Penggal ini dan Kod;

(ii) mengenai amalan dan kelakuan orang yang terlibat dalam atau terjejas oleh mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa, atau dalam perjalanan urusan mana-mana pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa; dan

(b) menyiasat apa-apa perkara yang berhubungan dengan mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa sama ada yang berpotensi atau selainnya, dan bagi maksud ini, boleh mengeluarkan pernyataan awam sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya mengenainya.”; dan

(d) dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan seksyen 218

22. Seksyen 218 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Pematuhan Kod, garis panduan, nota amalan dan arahan”;

- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 217(4)” dengan perkataan “, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada seksyen 219, seorang pengambil tawaran yang telah mendapat kawalan dalam suatu syarikat hendaklah membuat tawaran pengambilalihan bagi syer mengundi yang tinggal mengikut peruntukan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.”; dan

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Tertakluk kepada seksyen 219, seorang pengambil yang telah mendapat kawalan tidak boleh memperoleh apa-apa syer mengundi tambahan dalam syarikat itu kecuali mengikut peruntukan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.”.

Seksyen baru 218A, 218B, 218C dan 218D

23. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 218 seksyen yang berikut:

“Kuasa Suruhanjaya untuk melantik penasihat bebas

218A. (1) Jika penerima tawaran gagal untuk melantik seorang penasihat bebas sebagaimana yang dikehendaki di

bawah Kod, Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa demi kepentingan pemegang saham penerima tawaran untuk berbuat demikian, melantik seorang penasihat bebas atau orang lain atau kumpulan orang sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya, untuk memberi komen, pendapat, maklumat dan syor mengenai tawaran pengambilalihan itu dalam suatu pekeliling penasihat bebas.

(2) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian kos dan perbelanjaan seorang penasihat bebas, orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini patut ditanggung oleh penerima tawaran yang berkenaan, Suruhanjaya boleh, melalui perintah secara bertulis, mengarahkan penerima tawaran membayar suatu amaun yang ditentukan, yang merupakan keseluruhan atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam masa dan mengikut cara yang ditentukan.

(3) Jika penerima tawaran itu tidak mematuhi perintah Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), amaun yang dinyatakan dalam perintah itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan kembali oleh Suruhanjaya dalam mahkamah sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Suruhanjaya.

Kuasa penasihat bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya

218b. Seorang penasihat bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 218A, hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya.

Larangan terhadap komunikasi perkara tertentu oleh penasihat bebas dan pekerja

218c. Kecuali bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini, atau setakat yang dikehendaki bagi maksud mana-mana prosiding, sivil atau jenayah, seseorang penasihat bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 218A dan pekerja penasihat bebas atau orang lain itu tidak boleh menyampaikan apa-apa perkara, yang mungkin diketahui olehnya dalam menjalankan kewajibannya kepada mana-mana orang selain Suruhanjaya, atau mana-mana

orang lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan, dalam hal pekerja, kepada mana-mana orang selain penasihat bebas yang dengannya dia bekerja.

Akses kepada buku, akaun dan rekod, dsb.

218d. (1) Apabila diminta oleh penasihat bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 218A, penerima tawaran dan mana-mana pengarahnya, pegawai eksekutif atau setiausaha, pekerja atau ejennya hendaklah memberi akses kepada apa-apa maklumat, buku, akaun dan rekod dan apa-apa aset yang dipegang oleh penerima tawaran itu yang berhubungan dengan urusannya.

(2) Seorang penerima tawaran dan mana-mana pengarahnya, pegawai eksekutif, setiausaha, pekerja atau ejennya yang dilantik oleh penerima tawaran, hendaklah menjawab semua soalan yang berkaitan dengan penyediaan pekeliling penasihat bebas yang dikemukakan kepadanya oleh penasihat bebas.”.

Pindaan seksyen 219

24. Subseksyen 219(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen 217(5), Suruhanjaya” dengan perkataan “Suruhanjaya”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 217(4)” dengan perkataan “, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 220

25. Seksyen 220 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Tindakan oleh Suruhanjaya dalam hal ketidakpatuhan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan arahan”;

(b) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “atau Kod, atau mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 217(4)” dengan perkataan “, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “Kod” perkataan “, garis panduan, arahan, nota amalan”;
- (iii) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:
 - “(d) menghendaki sesuatu bursa saham atau bursa derivatif supaya tidak memberikan akses kepada orang yang mungkir itu, secara langsung atau tidak langsung, untuk menggunakan kemudahan bursa saham atau bursa derivatif itu;”;
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - “(da) melarang orang yang mungkir itu daripada mendapat akses, secara langsung atau tidak langsung, kepada pasaran modal;”;
- (v) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:
 - “(e) jika orang yang mungkir itu adalah suatu perbadanan yang disenaraikan, menghendaki bursa saham—
 - (i) untuk menggantung dagangan dalam sekuriti perbadanan itu;
 - (ii) untuk menggantung penyenaian perbadanan itu; atau
 - (iii) untuk mengeluarkan perbadanan itu atau kelas sekuriti perbadanan itu daripada senarai rasmi;”;

- (vi) dalam perenggan (*f*), dengan menggantikan perkataan “mengarahkan” dengan perkataan “menghendaki”;
- (vii) dengan memotong perenggan (*g*);
- (viii) dalam perenggan (*h*), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bertitik; dan
- (ix) dengan memasukkan selepas perenggan (*h*) perenggan yang berikut:
 - “(i) jika orang yang mungkir itu ialah seorang penasihat, enggan untuk menerima atau menimbang apa-apa pengemukaan yang berhubungan dengan apa-apa perkara di bawah Penggal ini daripada orang itu.”;
- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Kod” perkataan “, garis panduan, arahan, nota amalan”;
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:
 - “(8A) Jika seseorang tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh melucutkan orang itu daripada mana-mana perkhidmatan pasaran modal dengan menghendaki orang berlesen, orang berdaftar atau penyedia perkhidmatan pasaran modal untuk tidak bertindak atau terus bertindak bagi orang itu, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”; dan
- (e) dalam subseksyen (9)—
 - (i) dalam takrif “kemungkiran”, dengan menggantikan perkataan “Bahagian ini atau Kod atau apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen 217(4)” dengan perkataan “Penggal ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya”; dan

- (ii) dalam takrif “orang yang mungkir”, dengan menggantikan perkataan “Bahagian ini atau Kod atau apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen 217(4)” dengan perkataan “Penggag ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 221

26. Seksyen 221 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “di bawah Penggal ini atau Kod”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen berikut:

“(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan juga boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 222

27. Seksyen 222 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika seorang pembuat tawaran telah—

- (a) membuat suatu tawaran pengambilalihan untuk semua syer atau semua syer dalam mana-mana kelas tertentu penerima tawaran; dan
- (b) menerima penerimaan tidak kurang daripada sembilan per sepuluh nilai nominal syer yang dibuat tawaran,

pembuat tawaran boleh, dalam masa empat bulan dari tarikh tawaran pengambilalihan itu, memperoleh baki syer atau baki syer dalam mana-mana kelas tertentu penerima tawaran, dengan mengeluarkan suatu notis mengikut bentuk atau cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi maksud itu, kepada semua pemegang syer menentang, dengan syarat notis itu—

(A) dikeluarkan dalam masa dua bulan dari tarikh syarat-syarat di bawah perenggan (a) dan (b) dipenuhi; dan

(B) disertakan dengan suatu salinan akuan berkanun oleh pembuat tawaran itu bahawa syarat-syarat bagi pemberian notis itu telah dipenuhi.”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud perenggan (1)(b), penerimaan itu tidak termasuk syer yang telah dipegang pada tarikh tawaran pengambilalihan oleh pembuat tawaran atau orang yang bertindak bersama-sama.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Jika seseorang pembuat tawaran telah memberikan notis kepada mana-mana pemegang syer menentang di bawah subseksyen (1), pemegang syer menentang itu boleh, atas permintaan secara bertulis, dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu, menghendaki pembuat tawaran itu memberikan secara bertulis nama dan alamat semua pemegang syer menentang yang lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar anggota, dan pembuat tawaran itu hanya memperoleh syer pemegang syer menentang itu selepas empat belas hari dari nama dan alamat itu diposkan kepada pemegang syer menentang itu.”; dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Apabila notis dan akuan berkanun diberikan di bawah subseksyen (1), pembuat tawaran hendaklah mengikut subseksyen (7) memperoleh syer itu atas

terma tawaran pengambilalihan itu atau, jika tawaran pengambilalihan itu mengandungi dua atau lebih set terma alternatif, atas terma yang dinyatakan dalam tawaran pengambilalihan itu sebagaimana yang terpakai bagi pemegang syer menentang itu.”.

Pindaan seksyen 223

28. Subseksyen 223(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “ditetapkan di bawah Kod” dengan perkataan “ditentukan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 248

29. Seksyen 248 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan **“mengelirukan dalam”** perkataan **“dokumen penzahiran atau”**;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Seseorang yang memperoleh, melanggan atau membeli sekuriti dan mengalami kehilangan atau kerugian akibat daripada apa-apa pernyataan atau maklumat yang terkandung dalam mana-mana dokumen penzahiran atau prospektus yang palsu atau mengelirukan, atau yang dalamnya terdapat peninggalan yang material, boleh mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian daripada semua atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam perenggan yang berikut:

- (a) penerbit dan setiap pengarah seorang penerbit itu pada masa pengeluaran dokumen penzahiran atau prospektus itu;
- (b) seseorang yang bersetuju atau menyebabkan dirinya dinamakan dan telah dinamakan dalam apa-apa dokumen penzahiran atau prospektus itu diberikan kepada seorang pelabur sebagai seorang pengarah atau sebagai

bersetuju menjadi seorang pengarah, sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu lat masa;

- (c) seseorang penganjur, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang berbangkit daripada dokumen penzahiran atau prospektus atau mana-mana bahagian yang berkaitan dokumen penzahiran atau prospektus itu yang dia merupakan suatu pihak dalam penyediaannya;
- (d) seseorang selain penerbit, yang bertanggungjawab bagi menyediakan dokumen penzahiran atau prospektus itu, atau bertanggungjawab untuk menjalankan usaha yang wajar bagi maklumat atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu, dengan apa jua nama dipanggil dan termasuklah penasihat utama atau pengatur utama;
- (e) seseorang yang dinamakan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu dengan persetujuannya, sebagai yang membuat pernyataan, yang telah dimasukkan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan dibuat dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu diasaskan, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kemasukan pernyataan itu ke dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu;
- (f) seseorang yang dinamakan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu dengan persetujuannya sebagai pembroker stok, pembroker syer, penaja jamin, juruaudit, jurubank atau peguam bela bagi penerbit itu berhubung dengan terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti dan yang telah membuat suatu pernyataan yang dimasukkan dalam dokumen penzahiran

atau prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan yang dibuat dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu diasaskan, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kemasukan pernyataan itu ke dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu; atau

(g) seseorang yang membenarkan atau menyebabkan penerbitan apa-apa dokumen penzahiran atau prospektus yang melanggar seksyen 246, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh pelanggaran itu.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud perenggan (1)(d), jika seseorang yang bertanggungjawab bagi menyediakan dokumen penzahiran atau prospektus itu, atau bagi menjalankan usaha yang wajar bagi maklumat atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu adalah seorang individu yang bertindak bagi pihak prinsipalnya, kehilangan atau kerugian itu hanya boleh didapati daripada prinsipal itu.”.

Penggantian seksyen 256

30. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 256 dengan seksyen yang berikut:

“Perjanjian, dokumen dan prospektus untuk mengecualikan atau mengehadkan tanggungan terbatal

256. Apa-apa peruntukan, fasal atau terma yang terkandung dalam mana-mana perjanjian, kontrak, dokumen atau prospektus yang diberikan atau disediakan kepada seseorang pelabur berhubung dengan atau berkenaan dengan—

(a) suatu tawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti;

(b) suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti; atau

(c) menyediakan sekuriti,

yang berupa sebagai mengecualikan atau mengehadkan tanggungan seseorang bagi pelanggaran seksyen 92A, 246, 248 atau 249 atau bagi kehilangan atau kerugian di bawah seksyen 357 adalah terbatal.”.

Pindaan seksyen 256zo

31. Seksyen 256zo Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1)(a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) hendaklah menyerah simpan dengan Suruhanjaya laporan tahunan amanah perniagaan dalam masa empat bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan amanah perniagaan itu; dan”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Pengurus amanah hendaklah—

(a) menghantar kepada tiap-tiap pemegang unit tanpa bayaran suatu salinan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a) dalam masa empat bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan amanah perniagaan; dan

(b) jika seseorang pemegang unit meminta apa-apa salinan tambahan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a), menghantar dokumen yang diminta itu kepada pemegang unit itu dalam masa dua bulan selepas permintaan itu diterima dan apabila dibayar suatu jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh pengurus amanah.”.

Pindaan seksyen 256ZP

32. Seksyen 256ZP Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Menjadi suatu pembelaan kepada pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, selepas membuat siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan mempercayai sehingga masa pernyataan atau pemberian maklumat itu atau sehingga penglibatan dalam kelakuan itu, sememangnya mempercayai bahawa—

- (a) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
- (b) peninggalan itu tidak material;
- (c) tidak ada peninggalan yang material; atau
- (d) kelakuan yang diperkatakan itu tidak mengelirukan atau memperdayakan.”.

Pindaan seksyen 273

33. Seksyen 273 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “atau memorandum maklumat” dengan perkataan “, memorandum maklumat atau dokumen penzahiran”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “diluluskan di bawah seksyen 214 atau dibenarkan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 256c” dengan perkataan “ diluluskan di bawah seksyen 214, dibenarkan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 256c atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya”.

Sekyen baru 280A

34. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 280 seksyen yang berikut:

“Kewajipan untuk memberitahu Suruhanjaya, dsb.

280A. (1) Seksyen ini terpakai—

(a) jika sesuatu memorandum maklumat atau dokumen penzahiran telah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya atau diterbitkan berhubung dengan—

(i) suatu tawaran bagi langganan atau pembelian debentur;

(ii) suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli debentur; atau

(iii) penyediaan debentur; dan

(b) jika mana-mana orang mengetahui atau menyedari bahawa—

(i) terdapat suatu perubahan yang signifikan yang menyentuh suatu perkara yang dizahirkan dalam memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu;

(ii) memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu mungkin mengandungi suatu pernyataan yang material atau maklumat yang palsu atau mengelirukan; atau

(iii) memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu mungkin mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(2) Jika orang itu mengetahui atau menyedari perkara yang disebut dalam subseksyen (1), dia hendaklah dengan segera memberitahu orang yang bertanggungjawab bagi pengagihan debentur, mengenai perkara itu.

(3) Orang yang bertanggungjawab bagi pengagihan debentur itu hendaklah apabila diberitahu di bawah subseksyen (2) memaklumkan—

(a) Suruhanjaya; dan

(b) mana-mana orang yang telah diberikan memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu,

mengenai perkara yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Suruhanjaya boleh, apabila dimaklumkan di bawah subseksyen (3), mengarahkan mana-mana orang untuk membetulkan perkara, maklumat atau pernyataan dalam memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu, atau mengambil apa-apa langkah remedi yang sesuai, sebagaimana yang didapati perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, suatu dokumen penzahiran tidak termasuk prospektus.”.

Pindaan seksyen 298

35. Seksyen 298 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1)(a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) hendaklah menyerahkan simpan dengan Suruhanjaya laporan tahunan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan dalam masa dua bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subperenggan (1)(a)(i)” dengan perkataan “perenggan (1)(a)”;

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dokumen yang disebut dalam subperenggan (1)(a)(ii) dan apa-apa salinan tambahan dokumen yang disebut dalam subperenggan (1)(a)(i)” dengan perkataan “apa-apa salinan tambahan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a)”.

Penggantian Penggal 6 Bahagian VI

36. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Penggal 6 Bahagian VI dengan Penggal yang berikut:

“Penggal 6

Produk pasaran modal Islam, sekuriti Islam, dsb.

Subpenggal 1 — Am

Tafsiran

316. (1) Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“derivatif Islam” ertinya derivatif yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

“produk berstruktur Islam” ertinya suatu produk berstruktur yang distrukturkan bagi mematuhi prinsip Syariah;

“produk berstruktur” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan produk berstruktur;

“produk pasaran modal Islam” ertinya—

(a) sekuriti Islam;

(b) suatu skim unit amanah yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

(c) derivatif Islam;

(d) suatu skim persaraan swasta yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

- (e) mana-mana produk atau perkiraan yang berasaskan sekuriti atau derivatif, atau mana-mana gabungannya yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah; atau
- (f) mana-mana produk lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 5 sebagai suatu produk pasaran modal Islam;

“sekuriti Islam” ertinya—

- (a) syer dalam pertubuhan perbadanan atau pertubuhan bukan perbadanan, yang diklasifikasikan sebagai mematuhi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah;
- (b) unit dalam skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (c) suatu produk berstruktur Islam; atau
- (d) sukuk yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya mematuhi prinsip Syariah;

“sukuk” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan sekuriti Islam.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sekuriti Islam tidak termasuk mana-mana Instrumen Boleh Niaga Islam yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) terbitan Instrumen Boleh Niaga Islam itu adalah oleh suatu institusi berlesen yang layak atau bank Islam yang mematuhi apa-apa standard yang dikeluarkan oleh Bank Negara di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang terpakai bagi Instrumen Boleh Niaga Islam itu; dan
- (b) tempoh maksimum Instrumen Boleh Niaga Islam itu tidak melebihi lima tahun.

Subpenggal 2 — Produk pasaran modal Islam

Produk pasaran modal Islam

316A. (1) Suatu produk pasaran modal Islam ialah produk pasaran modal bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Suruhanjaya boleh menentukan dalam garis panduan yang dibuat di bawah seksyen 377 mengenai perkara yang berikut:

- (a) apa-apa model perjanjian atau dokumentasi yang berhubungan dengan suatu transaksi atau perkiraan berkenaan dengan produk pasaran modal Islam;
- (b) kewajipan dan tanggungjawab pihak yang berlainan yang terlibat dalam suatu transaksi atau perkiraan berkenaan dengan produk pasaran modal Islam; dan
- (c) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai,

dalam memberi kesan sepenuhnya kepada prinsip Syariah berhubung dengan suatu transaksi produk pasaran modal Islam.

Subpenggal 3 – Sekuriti Islam

Sekuriti Islam

316B. (1) Sekuriti Islam ialah sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan, aktiviti, produk atau perkara yang berhubungan dengan sekuriti Islam hendaklah mematuhi kehendak yang berkaitan di bawah undang-undang sekuriti dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Penetapan oleh Menteri berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam, dsb.

316c. Jika Menteri telah membuat suatu penetapan di bawah seksyen 5 berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam, Menteri boleh membuat apa-apa pengubahsuaian dalam penetapan itu mengenai penggunaan ungkapan dalam undang-undang sekuriti sebagaimana yang perlu untuk memberi kesan sepenuhnya kepada prinsip Syariah berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam itu.

Pemakaian Penggal 4 Bahagian VI Akta

316d. Apa-apa sebutan mengenai “peminjam” dalam Penggal 4 Bahagian VI Akta ini hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “penerbit sukuk” atau “penerbit produk berstrukturkan Islam” bagi maksud pemakaian peruntukan itu bagi sukuk atau produk berstrukturkan Islam.”.

Pindaan seksyen 319

37. Seksyen 319 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suatu perbadanan tersenarai hendaklah menyebabkan supaya diserahkan kepada Suruhanjaya—

(a) suatu salinan akaun tahunan terauditnya; dan

(b) laporan kewangannya yang interim dan berkala,

pada masa yang sama dokumen itu dikemukakan, diumumkan atau dijadikan tersedia kepada bursa.”.

Pindaan seksyen 325

38. Seksyen 325 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Apa-apa kaedah yang dicadangkan atau apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada kaedah-kaedah yang sedia ada sesuatu

organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika ia telah diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (3).

Pemotongan Bahagian IXA

39. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian IXA.

Pindaan seksyen 354

40. Seksyen 354 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(b)(ii), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, garis panduan” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, garis panduan atau nota amalan”;
- (b) dalam proviso kepada subperenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, garis panduan” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan”;
- (c) dalam perenggan (3)(a), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, syarat” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, nota amalan, syarat”; dan
- (d) dalam perenggan (3)(b), dengan menggantikan perkataan “lima ratus ribu” dengan perkataan “satu juta”.

Pindaan seksyen 355

41. Seksyen 355 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(b)(ii), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, garis panduan” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, garis panduan atau nota amalan”;
- (b) dalam proviso kepada subperenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, garis panduan” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan”;

- (c) dalam perenggan (3)(b), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, syarat” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, nota amalan, syarat”; dan
- (d) dalam perenggan (3)(c), dengan menggantikan perkataan “lima ratus ribu” dengan perkataan “satu juta”.

Pindaan seksyen 356

42. Seksyen 356 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “notis bertulis, garis panduan” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan”; dan
- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “mana-mana garis panduan, notis bertulis” dengan perkataan “notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan”; dan
- (c) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan “lima ratus ribu” dengan perkataan “satu juta”.

Penggantian seksyen 369

43. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 369 dengan seksyen yang berikut:

“Pernyataan palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya, bursa atau pusat penjelasan diluluskan, dsb.

369. Seseorang yang—

- (a) dengan niat untuk memperdaya, membuat atau memberikan atau menyerahkan simpan; atau
- (b) dengan diketahuinya menyebabkan, memberi kuasa atau membenarkan supaya dibuat, diberikan atau diserahkan simpan,

apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan, kepada Suruhanjaya, suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang berhubungan dengan—

- (A) perniagaan sekuriti atau derivatif;
- (B) hal ehwal suatu perbadanan yang disenaraikan;
- (C) apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi pentadbiran sewajarnya Akta ini;
- (D) apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah mana-mana garis panduan, nota amalan, notis bertulis atau terma dan syarat; atau
- (E) apa-apa kehendak di bawah kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif, atau pusat penjelasan diluluskan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.”.

Pemotongan seksyen 371

44. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 371.

Penggantian seksyen 379

45. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 379 dengan seksyen yang berikut:

“Penyelesaian pertikaian

379. (1) Suruhanjaya boleh meluluskan suatu pertubuhan perbadanan menjadi suatu pertubuhan perbadanan diluluskan bagi penyelesaian pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan atau produk pasaran modal.

(2) Suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, suatu pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah mengadakan kaedah-kaedah yang berhubungan dengan—

(a) pentadbiran yang sepatutnya bagi pertubuhan perbadanan itu sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian; dan

(b) skop, pemakaian, pengendalian, dan tatacara penyelesaian pertikaian.

(4) Pertubuhan perbadanan itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan kepada Suruhanjaya bagi mendapatkan kelulusannya apa-apa kaedah-kaedah yang dicadangkan atau apa-apa pindaan yang dicadangkan bagi kaedah-kaedah sedia ada.

(5) Suruhanjaya boleh mengeluarkan peraturan-peraturan di bawah seksyen 378 berhubung dengan suatu pertubuhan perbadanan diluluskan atau membuat peruntukan bagi penyelesaian pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan atau produk pasaran modal.”.

Pembatalan perundangan subsidiari

46. (1) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 47, 48 dan 49—

“tarikh kuat kuasa” ertinya tarikh yang berkaitan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini atau peruntukan masing-masing Akta ini.

(2) Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti Islam) 2012 [*P.U. (A) 478/2012*] dan Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Produk Pasaran Modal) (Produk Pasaran Modal Islam) 2012 [*P.U. (A) 479/2012*] dibatalkan mulai dari tarikh kuat kuasa.

Kecualian dan peralihan

47. (1) Berkenaan dengan penerusan hak dan tanggungan—

- (a) tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi apa-apa kesalahan atau kemungkiran yang dilakukan di bawah Akta ibu, sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum tarikh kuat kuasa berkenaan dengan kesalahan atau kemungkiran itu; dan
- (b) apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang diperoleh, terakru atau dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan itu tidak terjejas oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

(2) Berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam yang ditetapkan di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti Islam) 2012 dan Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Produk Pasaran Modal)(Produk Pasaran Modal Islam) 2012—

- (a) sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam itu hendaklah disifatkan sebagai sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa;
- (b) apa-apa tindakan, kaedah, peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan dan tindakan eksekutif lain walau apa cara sekali pun disebut, dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa Penggal 1 Bahagian VI Akta ibu sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah setakat yang ia selaras dengan peruntukan Akta ini, disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah atau menurut kuasa, atau berdasarkan, peruntukan yang bersamaan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung

dengan orang, aktiviti atau transaksi yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dibatalkan atau dihapuskan di bawah, mengikut, atau menurut kuasa peruntukan yang bersamaan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini; dan

- (c) mana-mana permohonan bagi kelulusan, atau bagi apa-apa jua pun maksud lain, atau mana-mana rayuan yang berhubungan dengan permohonan itu, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau kepada Suruhanjaya menurut kuasa Penggal 1 Bahagian VI Akta ibu sebelum tarikh kuat kuasa, dan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

Pertubuhan perbadanan diluluskan bagi penyelesaian pertikaian dalam pasaran modal disifatkan telah diluluskan

48. (1) Mana-mana pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010 [*P.U. (A) 437/2010*] sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan di bawah seksyen 379 sebagaimana yang dimasukkan oleh Akta ini.

(2) Berkenaan dengan penerusan hak dan tanggungan lain—

- (a) tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi apa-apa kesalahan atau kemungkiran yang dilakukan di bawah Akta ibu sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum tarikh kuat kuasa berkenaan dengan kesalahan atau kemungkiran itu; dan
- (b) apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang diperolehi, terakru atau yang dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan itu tidaklah terjejas oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

Kemudahan elektronik berdaftar disifatkan pasaran diiktiraf

49. (1) Suatu kemudahan elektronik berdaftar di bawah subseksyen 34(1) Akta ibu sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah, dari tarikh itu, disifatkan sebagai pasaran diiktiraf di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas kemudahan elektronik itu hendaklah disifatkan sebagai suatu syarat atau sekatan terhadap pendaftarannya di bawah subseksyen 34(1) sebagaimana yang dimasukkan oleh Akta ini.

(3) Melainkan jika diberitahu secara bertulis oleh Suruhanjaya, suatu permohonan bagi pendaftaran sebagai kemudahan elektronik yang belum selesai sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai permohonan bagi pendaftaran sebagai pengendali pasaran diiktiraf.